

22/04/2001

Pengalaman veteran Umno jadi inspirasi

Sharifuddin Mohamed; Noorwati Salleh

PEKAN: Pengalaman golongan veteran Umno tidak boleh diketepikan, sebaliknya boleh dijadikan panduan dan inspirasi kepada semua ahli Umno sekarang agar memahami matlamat sebenar perjuangan parti, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, veteran Umno sudah biasa menempuh pelbagai peristiwa ketika bergerak aktif dalam parti, terutama cara mengatasi masalah berkaitan perpaduan.

Oleh itu, kata beliau, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu bertemu golongan veteran Umno bagi mendengar pandangan serta nasihat mereka.

"Kita sudah setuju mengadakan satu majlis besar-besaran membabitkan pertemuan dengan golongan veteran Umno, termasuk bekas wakil rakyat di Kuala Lumpur, 11 Mei ini.

"Dalam majlis itu nanti, Dr Mahathir akan mengambil peluang bercakap serta memberi taklimat mengenai masalah dan cabaran dihadapi Umno sekarang.

"Kita juga akan meluahkan masalah dihadapi parti sama ada dari dalam atau luar parti serta usaha yang sedang kita lakukan sekarang.

"Mudah-mudahan apabila golongan veteran Umno mendengar semua ini, Insya-Allah mereka dapat memberi nasihat dan semangat sebanyak mungkin supaya pengalaman lama itu dapat memberi panduan kepada kita," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Pekan di Dewan Majlis Daerah Pekan, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pertahanan yang juga Ketua Bahagian itu, Datuk Seri Najib Razak dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Abdullah berkata, kebanyakan anak muda dalam Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno serta Puteri Umno yang baru muncul, tidak ada pengalaman.

"Saya yakin golongan veteran Umno masih mahu dan mampu memberi pandangan dan meluahkan pengalaman lalu bagi memberi kesedaran kepada ahli Umno sekarang mengenai parti dan perjuangannya," katanya.

Bagi golongan veteran Umno, katanya mereka tidak boleh dipisahkan daripada parti, malah sudah menjadi darah daging serta cara hidup dan Umno adalah juga perjuangan mereka seumur hidup.

"Inilah pejuang bangsa yang perlu kita contohi, kerana apabila mendengar saja Umno, mereka akan segar dan hadir dalam apa juga kegiatan parti itu," katanya.

Mengenai pemilihan dalam bahagian yang sedang berjalan sekarang, Timbalan Perdana Menteri berkata, ia bukan untuk memberi kejayaan atau kemenangan kepada golongan atau orang tertentu, sebaliknya mempunyai niat lebih besar bagi kepentingan perjuangan parti.

"Buat apa hendak menjadi seorang ketua Umno, sedangkan tidak boleh berbuat apa-apa atau tiada kuasa untuk berjuang serta melaksanakan rancangan besar atau kecil demi menjayakan bangsa dan negara," katanya.

Abdullah turut mengulas mengenai cadangan pertemuan perpaduan Melayu antara pemimpin tertinggi Umno dan Pas.

Menurutnya, kaum lain tidak perlu bimbang kerana muafakat dan formula Barisan Nasional (BN) tetap akan dipertahankan.

"Adalah menjadi kewajipan orang Umno menjaga parti teguh dan sihat supaya boleh memberi jasa sebesar-besarnya kepada kemajuan negara di samping tidak lupa kepada kedudukan kaum lain.

"Inilah formula kerjasama dalam BN yang menjadikannya berjaya,"

katanya.

(END)